

# Bakke terima panggilan telefon daripada Najib

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.bakar@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Bekas Pengerusi 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dihubungi Datuk Seri Najib Tun Razak supaya jangan terlalu mengambil masa dalam memperhalusi usaha sama antara syarikat itu dengan Petrosaudi International (PSI).

Tan Sri Mohd. Bakke Salleh memberitahu, beliau menerima panggilan telefon daripada bekas Perdana Menteri itu yang didakwa dilakukan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low ketika mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB.

Saksi pendakwaan ke-13 itu berkata, beliau dan ahli lembaga 1MDB lain sebelum ini berasa ragu-ragu berkenaan cadangan usaha sama antara 1MDB dengan syarikat yang terletak di Abu Dhabi.

Ketika pemeriksaan balas dengan peguam mewakili Najib, Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah, Mohd. Bakke menjelaskan menyatakan kebimbangan



**Bekas Perdana Menteri (Najib) cakap dengan saya tidak perlu guna banyak masa lihat transaksi lepas."**

**MOHD. BAKKE SALLEH**

gan itu membabitkan beberapa isu.

Bagaimanapun Najib memberitahu agar tidak terlalu menghabiskan banyak masa terhadap transaksi yang telah berlaku.

"Bekas Perdana Menteri (Najib) cakap dengan saya tidak perlu guna banyak masa lihat

transaksi lepas.

"Beliau cakap hanya tumpu cadangan usaha sama memandangkan perkara itu telah dibincangkan untuk beberapa waktu dan lembaga pengarah perlu buat keputusan secepat mungkin," katanya di Mahkamah Tinggi di sini semalam.

Mohd. Bakke merujuk kepada

mesyuarat satu lembaga pengarah 1MDB yang dihadiri beliau dan Jho Low pada 26 September 2009 apabila ahli perniagaan itu didakwa menerima panggilan telefon daripada Najib.

Najib, 68, didakwa menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan pindaan dilakukan terhadap laporan akhir audit 1MDB sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) untuk mengelakkan sebarang tindakan diambil terhadapnya.

Manakala bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy didakwa bersubhat dengan Najib dalam membuat pindaan ke atas laporan itu, untuk melindungi Najib daripada dikenakan tindakan.

Kedua-dua mereka didakwa mengikut peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000, yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan. Perbicaraan bersambung 12 April ini.